UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PELUNCURAN IKONDESA

PADA:

24 SEPTEMBER 2025 (RABU)

5 PETANG

LOKASI:

SOUQ PUTRAJAYA, DATARAN PUTRA,

PRESINT 1 PUTRAJAYA

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani,

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis

(SALUTASI)

MUKADDIMAH

1. Setiap kali saya menjejakkan kaki ke luar negara, saya tidak pulang dengan tangan kosong. Apa sahaja amalan terbaik, *best practice*, dan inspirasi yang saya temui, saya pastikan ada yang boleh saya bawa balik untuk dimanfaatkan oleh rakyat kita. Pada saya, setiap lawatan bukan sekadar acara rasmi, tetapi sebuah ruang untuk belajar, menimba pengalaman, dan mencari ilham agar kehidupan rakyat Malaysia sentiasa lebih baik, lebih sempurna.

2. Contohnya, baru-baru ini di Rotorua, New Zealand, saya melihat bagaimana masyarakat Māori memanfaatkan anugerah alam, warisan budaya, dan inovasi komuniti mereka sehingga pelancongan desa berkembang menjadi tarikan dunia. Di Jepun pula, saya menyaksikan bagaimana pengurusan bencana dipacu kecerdasan

buatan (AI) dan data raya, menjadikan masyarakat desa lebih berdaya tahan. Sementara itu di Dubai, negara itu melangkah jauh ke hadapan dengan menubuhkan universiti AI sendiri, bagi memangkin sektor TVET dan menyediakan tenaga mahir bertaraf global.

3. Dari semangat itu lah lahirnya ilham **IKONDESA** yang saya semat ketika berada di negara jiran - satu gagasan untuk membawa produk desa melangkah keluar dari ceruk kampung, mengangkat potensi luar biasa mereka, dan mencipta nama di pentas dunia.

EKOSISTEM KEUSAHAWANAN KKDW

Hadirin sekalian,

4. Untuk membangunkan masyarakat luar bandar, **keusahawanan mesti menjadi enjin penggerak ekonomi desa**. Produk desa tidak boleh dibiarkan terperangkap di kampung halaman semata-mata — ia mesti diangkat, diketengahkan, dan dipasarkan ke seluruh dunia.

5. Merujuk data pada tahun 2024 oleh SME Corp dan KKDW sendiri, kita melihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) telah menyumbang sebanyak **39.5%**

atau RM652.4 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara. Daripada keseluruhan 1.08 juta PMKS di Malaysia, sebahagian besar iaitu **70.1% berada dalam kategori mikro**, manakala hanya 1.6% dikategorikan sebagai sederhana.

6. Di bawah ekosistem KKDW sahaja, terdapat sekitar **55 ribu PMKS**, di mana hampir 60% adalah perniagaan berpendapatan kurang RM60 ribu setahun, manakala hanya 0.1% yang berjaya mencecah kategori sederhana. Angka-angka ini membuktikan bahawa walaupun PMKS desa menyumbang tenaga besar kepada ekonomi, masih banyak ruang untuk diperkasa agar mampu melonjak ke tahap lebih tinggi.

7. Kerana itu, KKDW tidak pernah membiarkan usahawan desa berjalan sendirian. Kita bina ekosistem lengkap — daripada *start-up* kecil, hingga ada yang kini berjaya menembusi pasaran eksport. Tahun ini sahaja, **RM360.36 juta** dilaburkan untuk **77 program pembangunan usahawan**, memberi manfaat kepada lebih **27,300 usahawan dan bakal usahawan** di seluruh negara.

8. Kita lahirkan platform demi platform: **Desa Mall**, **Karnival Usahawan Desa**, **Karnival Usahawan Orang Asli**, dan program **Gate to Global**. Kita dengar suara mereka, lalu

lahirnya **RISSMart**. Dan hari ini, kita perkenalkan wajah baharu: **IKONDESA**.

9. Inilah **Game Changer KKDW**. Bukan kesinambungan biasa, tetapi lonjakan baharu — membuktikan kita tidak mahu bergerak secara rutin, tetapi mahu memimpin perubahan dengan pendekatan yang lebih kreatif, menyeluruh, dan berimpak tinggi.

10. Melalui IKONDESA, kita wujudkan pusat jualan fizikal di bandar-bandar utama. Di sinilah, hasil keringat anak desa akan dilihat, dibeli, dan dinikmati bukan sahaja oleh rakyat Malaysia, malah oleh masyarakat dunia.

11. Alhamdulillah, hari ini saya berdiri dengan penuh rasa syukur. **IKONDESA@Putrajaya** telah pun beroperasi buat julung kalinya, menampilkan tiga kluster utama, kraf tangan, gaya hidup, serta makanan dan minuman di ruang eksklusif, di tengah-tengah jantung pentadbiran negara.

12. Saya yakin, IKONDESA@Putrajaya akan muncul sebagai **mercu tanda baharu**. Bukan sekadar tempat membeli produk, tetapi pentas untuk merasai budaya, warisan, dan kreativiti anak desa. Setiap bulan, tema negeri-negeri akan dipamerkan, bermula dengan **Negeri Perak** pada bulan ini.

LANGKAH PEMERKASAAN IKONDESA

Hadirin dan hadirat sekalian,

13. Walau bagaimanapun, saya tidak mahu IKONDESA hanya gah pada hari pelancarannya. Ia tidak boleh menjadi pusat jualan biasa yang hilang seri, gagal menyerlahkan keunikan, dan akhirnya tidak memberi pulangan signifikan kepada usahawan yang terlibat.

14. Sebaliknya, saya mahu IKONDESA menjadi **pencetus rezeki baharu, pemangkin peluang lumayan, dan penjana pendapatan berterusan**. Sebuah platform yang mampu bertahan lama, menjadi legasi kebanggaan desa Malaysia. Oleh itu kita perlu :

15. **Pertama: Pemantapan digitalisasi dan e-dagang.** Produk IKONDESA tidak boleh hanya terhenti di rak fizikal. Ia mesti dibawa ke pasaran digital, menembusi platform e-dagang utama, dan sampai ke tangan pembeli di seluruh dunia.

16. **Kedua: Pengukuhan jenama dan pensijilan.** Produk desa mesti dikenali kerana kualitinya, dipercayai kerana pensijilannya, dan disukai kerana keunikannya. Sama ada sijil halal, pengiktirafan kraf, atau piawaian makanan,

semuanya akan diperkuat bagi menjamin keyakinan pengguna.

17. **Ketiga: Pemerkasaan latihan dan bimbingan.** IKONDESA tidak boleh sekadar menjadi ruang niaga. Ia mesti menjadi pusat pembangunan usahawan — dengan *coaching*, klinik perniagaan, dan bimbingan berterusan dalam pemasaran, penjenamaan, dan pengurusan kewangan di setiap lokasi.

18. InsyaAllah, dengan langkah-langkah ini, saya yakin IKONDESA akan terus hidup, terus berdaya saing, dan menjadi **wahana berterusan yang menjana pendapatan lumayan, serta melakar sejarah baharu untuk usahawan desa Malaysia**.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

19. Di akhir bicara ini, saya mengharapkan agar **IKONDESA dijadikan platform utama sokongan antara Kementerian**. Bayangkan sekiranya setiap Kementerian memilih produk desa sebagai cenderamata rasmi dalam program-program mereka, bukan sahaja martabat produk desa akan meningkat, malah ia menjadi satu bentuk sokongan langsung kepada ekonomi luar bandar.

20. Jadi, saya **menyeru kepada semua wakil-wakil Kementerian** yang hadir, marilah kita ambil peluang untuk mengenali, menilai, dan melihat sendiri kualiti produk-produk usahawan desa yang dipamerkan di IKONDESA@Putrajaya. Malah, KKDW juga membuka pintu seluas-luasnya untuk bekerjasama dengan mana-mana Kementerian yang ingin menjadikan IKONDESA sebagai platform promosi bersama.

21. Saya juga **menyeru kepada para usahawan desa** agar merebut peluang ini. Jadikan IKONDESA sebagai pentas untuk melangkah lebih jauh. Jangan hanya berpuas hati dengan pasaran tempatan, tetapi berusahalah untuk melebarkan sayap sehingga ke peringkat global.

22. Dengan kata-kata itu, dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan penuh sukacita merasmikan Majlis Peluncuran **IKONDESA@Putrajaya**.

Sekian,

Wabillahi Taufiq WalHidayah, Wassalamuaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian. Terima kasih.